

18 AUG 1997

#### SARAWAK BERJAYA ATASI MASALAH SETINGGAN

MIRI, 18 Ogos (Bernama) -- Sarawak telah berjaya memindahkan beribu-ribu keluarga yang tinggal di kawasan setinggan ke kawasan penempatan yang lebih selesa, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

Katanya usaha itu dilakukan sejak 15 tahun lepas dengan pelbagai cara seperti skim pemberian lot tanah kepada keluarga yang miskin dan pembinaan lebih banyak rumah kos rendah.

"Kita mahu penduduk tinggal di kawasan yang selesa kerana tidak mahu diberi imej sebagai kerajaan yang terus membiarkan rakyatnya tinggal di kawasan yang tidak bersih dan teratur," katanya.

Kalau rakyat terus tinggal di kawasan setinggan, para pelabur pun tidak mempunyai keyakinan terhadap Kerajaan Negeri dan enggan melabur di negeri ini, kata Taib pada majlis pecah tanah bagi bangunan Pusat Kebudayaan Miri yang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Taib berkata kadar penghijrahan yang tinggi penduduk luar bandar ke bandar seperti yang ditunjukkan oleh kadar pertumbuhan Kuching sebanyak lima peratus, Bintulu 6.7 peratus dan Miri 6.5 peratus, menyebabkan golongan ini membina kawasan setinggan.

Katanya 40 peratus daripada kira-kira dua juta penduduk Sarawak kini tinggal di bandar berbanding keadaan pada 1963 apabila 80 peratus daripada penduduk tinggal di luar bandar.

Bagaimanapun beliau berkata Sarawak tidak mungkin dapat mencapai tahap pembangunan di Semenanjung Malaysia seperti rangkaian lebuhraya yang baik.

Ini kerana penduduk Sarawak sangat kecil bilangannya dan pihak swasta tidak sanggup melabur wang yang begitu besar untuk membina kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan memandangkan pulangnya lambat, katanya. -- BERNAMA

MT NMO